

VIDEO

PODCAST

>> BERITA > NASIONAL > LTAK penting bagi industri pelancongan negara: Mohamaddin

LTAK penting bagi industri pelancongan negara: Mohamaddin

BERNAMA | 07 May 2019



Mohamaddin (tengah) menyaksikan pertukaran perjanjian di antara Ketua Pegawai Eksekutif M101 Holdings Sdn Bhd Datuk Seth Yap (kiri) dengan Regional Director of Hasbro Live! Natalie Chan (kanan) selepas melancarkan 'Malaysia Tourism City' yang terletak di Kuala Linggi pada pelancaran di sini hari ini. -Foto Bernama

A⁻ A⁺

2019: This \$99 Drone Takes Malaysia by Storm. Idea is...

Drone X Pro | Sponsored

KUALA LUMPUR - Pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (LTAK) di Kedah merupakan satu daripada projek terpenting yang akan menyumbang kepada industri pelancongan negara, kata Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Datuk Mohamaddin [Read Next Story >](#)

Ketapi.

Beliau berkata kedudukan lapangan terbang berkenaan yang terletak di sebelah utara tanah air dapat menarik lebih ramai pelancong dari sempadan Malaysia.

"Banyak pelancong dari Thailand akan masuk melalui Kedah. Ini satu daripada "pintu masuk pelancong ke negara ini"...dari utara akan menggunakan Kedah sebagai "pintu masuk dari utara ", katanya selepas melancarkan 'Malaysia Tourism City (MTC)' di sebuah hotel di ibu negara, hari ini.

Mohamaddin berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kepentingan projek LTAK kepada industri pelancongan negara.

Ditanya anggaran peningkatan peratusan pelancong di utara selepas LTAK dibangunkan, beliau berkata: "Saya tidak mempunyai angka yang sebenar untuk diumumkan. Saya rasa masih terlalu awal".

Bernama sebelum ini melaporkan, Kedah akan menerima tujuh projek mega untuk pelaksanaan pembangunan prasarana dan kebajikan rakyat yang membabitkan peruntukan lebih RM3.2 bilion dalam usaha memastikan negeri ini mencapai kemajuan setanding negeri maju lain.

Menteri Hal Ehwal Ekonomi Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dilaporkan berkata antara tujuh projek mega yang bakal dilaksanakan itu ialah pembangunan LTAK serta Hab Industri Pembuatan dan Logistik di Sidam dekat Kulim.

Terdahulu, Mohamaddin dalam ucapannya berkata MTC akan terus meningkatkan ekonomi Melaka.

Beliau berkata dengan Jonker Street, A Famosa, Stadthuys, Gereja St. Paul dan Christ Church, kementerian kini membawa Melaka ke lebih banyak jenama antarabangsa untuk mengubah negeri ini menjadi negeri campuran sejarah dan tempat trendi.

"Ini sejajar dengan kempen Melawat Melaka 2019 yang menjadikan Melaka sebagai destinasi pelancongan nombor satu dan menarik pelancong dari dalam dan luar Malaysia untuk melawat dan tinggal lebih lama di Melaka," katanya. Sementara itu, Pengarah Eksekutif Meridian Berhad dan juga Ketua Pegawai Eksekutif di M101 Holdings Sdn Bhd Datuk Seth Yap berkata Meridian Bhd melancarkan MTC, sebuah projek utama 251.76 hektar, bernilai kira-kira RM200 juta.

Yap berkata MTC terletak di Kuala Linggi, Melaka, yang akan diubah menjadi destinasi pelancongan bersepadu, termasuk rekreasi dan hiburan, komersial, peruncitan, kediaman dan lain-lain.

Dengan MTC kami menyasarkan untuk menambah kedatangan pelancong 2 juta lagi dan tambahan 1.5 juta pelancong bermalam di Melaka," katanya.

2019. This \$99 Drone Takes

Malaysia by Storm. Idea is...

Drone X Pro | Sponsored

[Read Next Story >](#)

Pada majlis itu, Meridian juga telah menandatangani perjanjian pelesenan dengan Hasbro Inc, pembuat mainan terbesar untuk membangunkan taman tema air Hasbro di dunia. Perjanjian itu dijamin di bawah entiti swasta Yap, M101 Holdings Sdn Bhd. -Bernama

Mohamaddin

- Ketapi

Loji Rawatan Air Langat 2 kini siap, dalam proses percubaan

Lihat Komen

Artikel Berkaitan



Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim dibiayai pihak swasta

KUALA LUMPUR - Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) yang bernilai RM1.6 bilion akan dibiayai dan dibangunkan 100 peratus oleh pihak swasta, kata...



Projek LTAK dibiaya sektor swasta

KUALA LUMPUR - Projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (LTAK) yang dianggarkan bernilai RM1.6 bilion akan dibiayai sektor swasta, kata Menteri Hal...



PIA, Lapangan Terbang Kulim diharap melengkapkan satu sama lain

GEORGE TOWN - Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) dan lapangan terbang Kulim yang dicadangkan diharap akan melengkapkan satu sama lain...



Agong, permaisuri dijangka berangkat ke Iftar@Kuala Lumpur 2019

PUTRAJAYA - Tetamu Diraja akan menyerikan program berbuka puasa beramai-ramai yang memasuki tahun kelapan penganjuran, Iftar@Kuala Lumpur 2019, yang...



MAHB hias lapangan terbang ikut konsep perayaan

Kemeriahan sambutan Tahun Baru Cina menggamit pengunjung sepanjang musim perayaan ini sepanjang berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur...

2019: This \$99 Drone Takes Malaysia by Storm. Idea is...

Drone X Pro | Sponsored

[Read Next Story >](#)



Jaringan keselamatan kewangan penting bagi aliran modal